



**MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 2**  
**MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 2**  
**MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 2**

Tuesday 23 May 2006 (afternoon)  
Mardi 23 mai 2006 (après-midi)  
Martes 23 de mayo de 2006 (tarde)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works will not score high marks.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3<sup>e</sup> partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2<sup>e</sup> partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3<sup>e</sup> partie n'obtiendront pas une note élevée.

**INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam Bahagian 3. Anda boleh memasukkan ke dalam jawapan anda perbincangan ke atas satu karya dalam Bahagian 2 dari genre yang sama sekiranya ada perkaitan. Jawapan yang **tidak berdasarkan** kepada sekurang-kurangnya **dua karya** dalam Bahagian 3, **tidak akan** mendapat markah yang tinggi.

### Cerpen

1. Sama ada

- (a) Konflik dalaman seseorang watak adalah antara perkara yang dijadikan bahan cerita dalam cerpen-cerpen Melayu. Bincangkan teknik yang digunakan bagi memaparkan konflik dalaman watak yang terdapat pada cerpen-cerpen yang anda kaji.

Atau

- (b) Pertentangan nilai merupakan salah satu tema yang sering dikemukakan oleh penulis-penulis cerpen Melayu. Bincangkan pengolahan tema ini berdasarkan cerpen-cerpen yang anda kaji.

### Drama

2. Sama ada

- (a) Satu kecenderungan yang terdapat dalam karya-karya drama Melayu ialah mengangkat kembali watak-watak sejarah atau legenda dengan diberikan peranan dalam cerita, latar tempat dan masa sekarang. Bincangkan bagaimana pemaparan watak-watak begini, dalam drama-drama yang telah anda kaji, memberi kesan kepada tema dan persoalan karya.

Atau

- (b) Adalah menjadi kebiasaan bagi sesebuah drama menggunakan dialog-dialog yang panjang atau pendek bagi adegan-adegan yang berbeza. Bincangkan bagaimana teknik penulisan dialog begini sesuai dan berkesan kepada jalan cerita drama-drama yang anda kaji.

### **Novel**

3. Sama ada

- (a) Penulis novel Melayu sering, secara langsung atau tidak langsung, menggambarkan kepincangan yang terdapat dalam masyarakat. Bincangkan kenyataan ini dengan contoh-contoh daripada novel-novel yang anda kaji.

Atau

- (b) Bincangkan dua pemaparan berbeza bagi watak-watak lelaki atau wanita yang terdapat dalam novel-novel berbeza yang anda kaji. Bagaimanakah pemaparan ini memberi kesan kepada pembaca?

### **Prosa Tradisional**

4. Sama ada

- (a) Prosa tradisional seringkali memaparkan watak-watak protagonis atau antagonis yang sangat bertentangan sifatnya. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai huraikan bagaimana pengarangnya menggambarkan sifat-sifat yang bertentangan ini.

Atau

- (b) Salah satu keistimewaan prosa tradisional ialah unsur humor yang terdapat di dalamnya. Bincangkan dengan contoh-contoh, keunikan unsur ini dan bagaimana ianya memberi kesan kepada pembaca.

### **Puisi**

5. Sama ada

- (a) Sejumlah puisi Melayu cenderung untuk memberi nasihat, pujukan, pengajaran dan kadang-kadang menyampaikan propaganda. Bagaimana dan sejauhmanakah anda menemui kecenderungan ini pada puisi-puisi yang anda kaji?

Atau

- (b) Keindahan puisi sering terletak kepada diksi, nada, rentak dan rimanya. Sejauh manakah ciri-ciri ini menyumbang kepada keindahan puisi-puisi yang anda kaji?

**Am**

6. Sama ada

- (a) Usaha dan perjuangan ke arah membasmi kemiskinan dan mengamalkan cara kehidupan moden telah menjadi antara tema-tema yang sering terdapat dalam karya sastera Melayu. Bincangkan bagaimana perkara-perkara ini diolah oleh pengarang karya-karya yang anda kaji.

Atau

- (b) Terdapat karya-karya sastera yang memasukkan unsur prasangka sosial atau sikap bias peribadi pengarang. Dengan merujuk kepada karya-karya yang anda kaji, bincangkan cara penulis-penulis memaparkan unsur ini dan sejauh manakah ianya berkesan kepada jalan ceritanya.

Atau

- (c) Fenomena alam sekitar merupakan sesuatu yang boleh digunakan oleh seseorang penulis sama ada sebagai latar, perlambangan, imejan dan sebagainya. Bincangkan bagaimana seseorang penulis menggunakan unsur-unsur ini untuk meningkatkan keberkesanan karyanya, berdasarkan karya-karya yang anda kaji dan bagaimana ianya memberi kesan kepada kekuatan nilai karya tersebut.

Atau

- (d) Peristiwa atau tokoh sejarah boleh dijalinkan dalam karya-karya sastera untuk memberi dampak yang lebih kepada mesej atau jalan cerita. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan karya-karya sastera yang anda kaji.
-